



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

12 Jun 2015 / 25 Syaaban 1436

Ramadan Bersama Keluarga

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى
الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat dirahmati Allah,

Marilah kita berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Laksanakan apa yang diperintahkan. Tinggalkan apa jua yang terlarang. Bergembiralah saudara, kerana dengan izin Allah s.w.t., dalam beberapa hari lagi kita akan melangkah masuk ke pintu gerbang bulan Ramadan yang dinantikan jiwa setiap mukmin.

Saudara,

Pada minggu lalu kita telah diingatkan akan kepentingan untuk mengambil kesempatan bulan Syaaban untuk menyediakan diri bertemu dengan bulan Ramadan. Pada minggu ini pula, khatib ingin menyentuh keperluan menyediakan keluarga untuk Ramadan.

Saudaraku,

Nabi s.a.w. sering memberi penekanan kepada bimbingan yang berterusan bagi ahli keluarga. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Imam Al-Bukhari, Nabi s.a.w. bersabda: *“Wahai Fatimah binti Muhammad (s.a.w.) kamu mintalah dari harta aku apa sahaja yang engkau ingin, akan tetapi esok di hadapan Allah s.w.t. aku tidak sedikitpun mampu untuk menolongmu.”*

Begitulah Nabi s.a.w. sentiasa memberi peringatan serta memerhatikan aspek bimbingan dan panduan buat ahli keluarganya. Sepertimana kita di dunia ini ingin selalu bahagia bersama keluarga, begitu juga kita inginkan keadaan ahli keluarga kita esok di hadapan Allah s.w.t. Kita mengharapkan agar seluruh keluarga menjadi penghuni syurga Allah seperti di dalam firmanNya didalam surah At-Thur ayat 21:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ
مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِيْنٌ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Dan mereka-mereka yang beriman, dan keturunan mereka turut beriman, akan kami pertemukan mereka dengan keturunan mereka (esok di akhirat), dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya”*.

Saudaraku,

Institusi keluarga merupakan batu asas masyarakat dan negara. Apabila keluarga berjaya, maka seluruh masyarakat juga akan ikut berjaya. Namun jika dibiarkan keluarga tanpa bimbingan, maka setiap daripada anggotanya akan hilang arah.

Maka dalam kita melangkah masuk ke bulan Ramadan, khatib ingin mengajak kita memelihara institusi keluarga. Ini lebih-lebih lagi memandangkan pelbagai cabaran yang perlu dihadapi anak muda kita. Mereka berhadapan dengan pelbagai tren dan budaya. Ada tren dan budaya yang sihat, seperti yang menggalak anak muda mencari ilmu dan kemahiran, atau yang menanam sikap inovatif di dalam mencari penyelesaian bagi masalah sosial. Namun, banyak tren yang membimbangkan. Tren-tren sosial, seperti yang menggalakkan pergaulan bebas dan juga perhubungan sejenis.

Begitu juga ideologi, samada radikalisme yang memupuk penganasan, atau ideologi agama yang berbentuk eksklusif lagi sempit, yang bertanggung satu sahaja pemahaman atau

pendekatan yang betul, dan selainnya adalah salah atau sesat. Tambahan pula, setiap remaja, kerana peringkat umurnya, perlu menjalani perubahan psikologi dan pergolakkan jiwa dan identiti. Makanya, tanggungjawab kita besar untuk membantu keluarga dan anak-anak kita agar dapat mengharungi cabaran kehidupan dengan berjaya.

Saudaraku,

Jadikan Ramadan yang akan tiba nanti sebagai permulaan baru untuk kita perhalusi usaha kita membimbing keluarga kita. Jadikan bulan yang penuh rahmah sebagai bulan pencetus perasaan cinta dan rindu terhadap kebaikan. Pastikan Ramadan kali ini menjadi bulan di mana kita mula memupuk lebih banyak nilai murni di dalam jiwa dan budaya keluarga kita.

Mulakan persediaan kita sekeluarga untuk Ramadan ini dengan menghadiri kelas mahupun ceramah agama daripada pelbagai ulama tempatan kita. Jika sebelum ini kita mengaji Al-Quran, kali ini kita berusaha memahami isi kandungannya. Usaha seperti ini boleh membangun daya tahan keagamaan keluarga kita. Dengan teknologi kini, kita boleh memuat turun buku elektronik seperti contoh kitab yang dikarang oleh Ibn Kathir yang berjudul kisah-kisah Al-Quran. Ini tidak bermakna kita tidak perlu berguru. Kita masih perlu bimbingan para asatizah dan ulama tempatan yang terlatih, untuk mengelakkan daripada sebarang salah faham terhadap nas Al-Quran.

Selain itu saudara, dengan hampirnya Ramadan, jiwa seseorang Muslim lazimnya akan menjadi lebih sedia untuk melakukan kebaikan. Maka ambillah peluang ketika jendela keimanan kita dan keluarga yang sedang terbuka, untuk membiasakan anak-anak dengan nilai-nilai kebaikan, agar jiwa mereka cinta kepada setiap yang baik. Tidak kiralah siapa yang menerima kebaikan tersebut. Tingkatkan semangat kesukarelawanan mereka. Didiklah mereka menjadi insan yang bila ia berada di sesuatu tempat, semua makhluk dan ciptaan Allah, termasuklah orang yang bukan seagama mahupun sebangsa, merasakan manfaat kebaikannya. Hidupkanlah ajaran Nabi s.a.w. di dalam hadithnya: *“Orang yang paling dikasihi Allah adalah orang yang paling banyak membawa manfaat [kepada manusia lain]”* [Hadith riwayat Ibn Abi Dunya]

Pada masa yang sama, marilah kita juga berusaha untuk lebih mengenali anak-anak kita. Dekatilah mereka dengan penuh rahmah dan kasih sayang. Kadangkala, Allah s.w.t. menguji kita melalui anak-anak. Apapun masalah yang mereka timbulkan, langkah awal kita adalah untuk memahami cabaran mereka. Kita tidak boleh mengabaikan perubahan jiwa dan pemikiran, ditakuti mereka akan semakin jauh daripada kita. Sebagai contoh, ada anak-anak kita yang menghadapi cabaran identiti seksual. Mereka menjadi bingung apabila mereka dapati diri mereka mungkin tertarik kepada teman sejenis. Dan apabila orang tua tidak menjadi teman yang boleh mereka percayai, dikhuatiri mereka akan hanya terus hanyut dan bingung.

Apatah lagi, terdapat pelbagai usaha dan pergerakan yang mempromosikan gaya kehidupan alternatif, samada di alam siber, mahupun di alam nyata, dengan pelbagai nama. Kita tidak mahu dan tidak rela anak-anak kita turut serta di dalam tren sedemikian. Namun, apakah peranan kita? Apakah usaha kita yang konstruktif, yang dapat membawa hasil positif di dalam diri anak-anak yang mengalami cabaran gaya kehidupan?

Tentu sekali, jika mereka tidak boleh menyuarakan masalah dan pergelotan psikologi mereka dengan kita, mereka akan mencari wadah lain. Mereka akan lebih selesa berkomunikasi dengan orang-orang yang bersedia menerima mereka. Oleh itu, saudara, tunjukkan keprihatinan, kasih sayang dan keinginan jujur kita untuk membantu mereka. Berusahalah menjadi pendamping mereka. Jika kita tidak mempunyai kemahiran memberi kaunseling, maka bolehlah kita salurkan mereka kepada pusat-pusat kaunseling seperti yang disediakan oleh PPIS.

Saudara sekalian, peliharalah niat kita. Jagalah keikhlasan kita untuk benar-benar membawa kebaikan bagi keluarga dan masyarakat. Bertakwalah kepada Allah s.w.t. di dalam niat dan tujuan kita. Semoga setiap kita mendapat taufiq dan hidayat Allah s.w.t. untuk memilih jalan yang terbaik demi mengejar kebaikan. Mudah-mudahan dengan demikian, anak-anak dan

keluarga kita akan dipelihara Allah s.w.t. daripada sebarang keburukan di dunia mahupun di akhirat. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.